



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM KRAFTANGAN NEGERI  
KELANTAN**

**Nurull Natasha Binti Mohd Nordin**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)  
2015**

**PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM KRAFTANGAN NEGERI KELANTAN**

NURULL NATASHA BINTI MOHD NORDIN

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk

Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian

(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....**26**.....day of.....**JUNE**.....2015.

Student's Declaration:

I NURULL NATASHA BINTI MOHD NORDIN, 38331, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS

----- (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM KRAFTANGAN NEGERI KELANTAN

----- is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

26 JUNE 2015

Date submitted

NURULL NATASHA BINTI MOHD NORDIN (38331)

Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I MR. ALEXANDER CHELUM (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled PENGURUSAN KOLEKSI DI MUZIUM KRAFTANGAN NEGERI..

KELANTAN (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/~~full~~ fulfillment for the conferment of BACHELOR OF

APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT) (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: MR. ALEXANDER AK CHELUM

(Name of the supervisor)

Date: 26 JUNE 2015

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
( 26 JUNE 2015 )

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
( 26 JUNE 2015 )

Current Address:

NO 1, LUBUK BUNTAL, KG. BANDAR, 16600, PULAI CHONDONG, KELANTAN.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk **Pengurusan Koleksi Di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan** telah disediakan oleh **Nurull Natasha Binti Mohd Nordin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh:

---

En. Alexander Ak Chelum  
Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh:

---

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Alexander Ak Chelum yang merupakan penyelia projek tahun akhir atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keperihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh pnyelia saya banyak membantu kepada kejayaan tesis ini. Saya amat menghargai kesabaran En. Alexander Ak Chelum yang sedia berkongsi maklumat dan kepakaran, senang dihubungi dan cepat dalam tindakan semasa sesi penyelian sepanjang pengajian ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti, minat terhadap kajian ini serta maklumbalas daripada beliau yang meyakinkan amat membantu dalam menyempurnakan tesis ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada ketiga-tiga orang informen yang pakar dalam bidang pengurusan koleksi iaitu En. Zainudin Bin Abdullah, Cik Siti Nor Farhana Binti Che Lah dan En. Wan Mohd Shukri Bin Wan Yusoff yang merupakan kakitangan yang bekerja di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan kerana sudi memberi maklumat dan bekerjasama dengan baik dalam membantu menjawab segala persoalan yang diajukan.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan lestari budi kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa iaitu Mohd Nordin Bin Junus dan Wan Napisah Binti Wan abdullah di atas segala pengorbanan, dorongan dan kesabaran mereka dalam mengiringi saya dalam mengharungi segala cabaran sepanjang tempoh pengajian ini. Tidak lupa juga, khas untuk rakan-rakan yang amat sabar dalam membantu serta memberi nasihat dan semangat dalam menghadapi cabaran sepanjang saya menyempurnakan tesis ini.

## **ISI KANDUNGAN:**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
HALAMAN TAJUK	i
BORANG PENGESAHAN STATUS LAPORAN	ii
PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xi
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Hipotesis kajian	4
1.4 Objektif kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Signifikan Kajian	7
1.7 Skop Kajian	8
1.8 Lokasi Kajian	9
1.9 Kesimpulan	10

## **BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN**

2.0 Pengenalan	11
2.1 Definisi Muzium	12
2.2 Definisi Pengurusan	15
2.3 Pengurusan Koleksi	18
2.4 Definisi Kraftangan	21
2.5 Perolehan Koleksi	24
2.6 Proses Dokumentasi	26
2.7 Proses Penyimpanan	27
2.8 Sejarah Penubuhan Muzium Kraftangan	28
2.9 Kesimpulan	31

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan	32
3.1 Reka Bentuk Kajian	33
3.2 Kawasan Kajian	33
3.3 Kerangka Kajian	34
3.4 Kaedah Pengumpulan Data Primer	36
3.41 Kaedah Kualitatif	37
3.5 Kaedah Pengumpulan Data Sekunder	38
3.6 Instrumen Kajian	38
3.7 Kesimpulan	39



## **BAB 4: ANALISA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan	40
4.1 Analisa Data	40
4.2 Kualitatif	41
4.2.1 Kaedah Temubual	41
4.2.2 Kaedah Pemerhatian	41
4.3 Kaedah Yang Digunakan Oleh Pihak Pengurusan Koleksi Dalam Memperolehi Koleksi Kraftangan di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan	42
4.3.1 Kaedah Pembelian	43
4.3.2 Kaedah Hadiah Atau Derma	46
4.3.3 Kaedah Pinjaman	48
4.3.4 Kaedah Sumber-Sumber Lain	50
4.4 Cara Pengurusan Sistem Pendokumentasian Stok Kraftangan di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan	52
4.4.1 Proses Pendaftaran	53
4.4.2 Proses Pengisian Tanda Nama	54
4.4.3 Proses Penyediaan	55
4.4.4 Proses Penyediaan Inventori	56
4.5 Proses Pengurusan Penyimpanan Bahan Koleksi Kraftangan di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan	57
4.6 Kesimpulan	60

## **BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan	61
5.1 Perbincangan	62
5.2 Penemuan Kajian	64
5.3 Cadangan	65
5.3.1 Cadangan Kepada Pihak Muzium	66
5.3.2 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang	66
5.4 Kesimpulan	67
<b>RUJUKAN</b>	68
<b>LAMPIRAN A : Soalan Kepada Informan</b>	70
<b>LAMPIRAN B : Gambar Temubual</b>	71
<b>LAMPIRAN C : Gambar Koleksi</b>	72

## **ABSTRAK**

Kajian ini adalah berkenaan Pengurusan Koleksi Di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kaedah yang digunakan oleh pihak pengurusan koleksi dalam menguruskan perolehan koleksi kraftangan di Muzium tersebut. Seterusnya, pengkaji akan mengenalpasti cara pihak pengurusan koleksi menguruskan sistem pendokumentasian stok kraftangan, serta proses yang digunakan oleh pihak pengurusan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan dalam menguruskan penyimpanan bahan koleksi kraftangan di Muzium tersebut. Ini dapat diterjemahkan melalui pemerhatian dan temubual yang telah dilakukan terhadap Pengurusan Koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan dan di sokong oleh fakta-fakta yang didapati hasil daripada temubual yang dijalankan. Temubual bersama informan dan pemerhatian yang dijalankan di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan penting untuk membantu pengkaji dalam mengumpulkan data serta maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Melalui hasil kajian yang dijalankan, pengkaji dapat mencapai objektif serta penyelesaian kepada permasalahan yang timbul semasa kajian dijalankan.

## **ABSTRACT**

*This research is about Collection Management at the of Kelantan Handicrafts Museum. This study was conducted to studies the methods used by collection management in managing the acqusion collection of handicrafts at the Kelantan Handicraft Museum. Next, the researchers will identify how the collection management manage the collection and documentation system of handicraft stock, also process used by collection management at the Kelantan Handicrafts Museum in managing the storage of handicrafts at that Museum. This can be translated through observation and interviews that have been made to the collection management at Kelantan Handicrafts Museum and supported by facts in the result of interviews conducted. Interviews with informants and observations made in Kelantan Handicraft Museum important to assist researchers in collecting data and information related to the study. Through the results of a study conducted, researchers can achieve the objective and solutions to problems that arise during the studies.*

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Kajian ini adalah sebuah kajian berkenaan Pengurusan Koleksi Di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji kaedah yang digunakan oleh pihak pengurusan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan dalam menguruskan perolehan koleksi kraftangan di Muzium tersebut. Seterusnya, pengkaji akan mengenalpasti cara pihak pengurusan koleksi kraftangan di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan dalam menguruskan sistem pendokumentasian stok kraftangan serta proses yang digunakan oleh pihak pengurusan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan dalam menguruskan penyimpanan bahan koleksi kraftangan di Muzium tersebut.

Selain itu, pengkaji akan mengupas dengan lebih lanjut mengenai tajuk Pengurusan Koleksi di Muzium Negeri Kelantan. Setersnya, dalam bab satu ini juga pengkaji akan menjelaskan tentang latar belakang, permasalahan, hipotesis, objektif, persoalan, signifikan, skop dan lokasi kajian ini di jalankan.

## **1.1 Latar Belakang Kajian**

Muzium merupakan sebuah institusi yang bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberi khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya terbuka kepada umum. Serta muzium juga bukan sahaja tempat penyimpanan barangan atau koleksi artifak yang bernilai serta berusia ratusan tahun. Muzium pada masa kini telah menjadi tempat yang terkenal dalam mempamerkan barang bersejarah serta koleksi yang bernilai malah, muzium juga memberi sumbangan yang besar dalam sektor pelancongan kerana dapat menarik pelancong asing untuk melihat serta menghayati sejarah sesebuah tempat.

Muzium Kraftangan Negeri Kelantan atau juga di kenali sebagai Balai Getam Guri yang dirasmikan oleh Raja Perempuan Kelantan 27 Julai 1991 yang mempamerkan hasil-hasil kraftangan Negeri Kelantan seperti sulaman tradisional, tenunan songket, batik, pertukangan perak dan anyaman. Di dalam muzium itu pula, pengunjung boleh melihat pelbagai koleksi hasil kraftangan masyarakat tempatan yang dipamerkan antaranya ialah alat-alat menenun songket, barangan yang diperbuat daripada buluh, tembaga dan pelbagai lagi. Muzium Kraftangan atau dikenali juga sebagai Balai Getam Guri ini terletak dalam Kompleks Kampung Kraftangan. Bangunan muzium ini adalah sebahagian daripada bangunan Kampung Kraftangan yang diperuntukkan kepada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan dijadikan Muzium Kraftangan. Bangunan ini juga terletak berhampiran dengan Pasar Buluh Kubu. Kampung kraftangan yang terdapat di bandar Kota Bharu ini adalah antara lokasi pelancongan utama Negeri Kelantan. Walaupun Muzium ini bernama Kampung Kaftangan, namun ianya bukanlah kampung yang sebenar.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian atau *the problem statement is the concise description of the issues that need to be addressed by a problem solving team and should be presented to them (or created by them) before they try to solve the problem. On the other hand, a statement of the problem is a claim one or two sentences in length that outlines the problem addressed by the study.* (Ellis,T.J., & Levy,Y.(in press). A framework of problem-based research: A guide for novice researchers.) Di dalam kenyataan tersebut beliau menyatakan pernyataan masalah adalah keterangan ringkas isu-isu yang perlu ditangani oleh pasukan penyelesaian masalah dan perlu dikemukakan kepada mereka (atau yang dibuat oleh mereka) sebelum mereka cuba untuk menyelesaikan masalah tersebut. Sebaliknya, kenyataan masalah ini adalah tuntutan satu atau dua ayat panjang yang menggariskan masalah itu ditangani oleh kajian.

Di dalam penyelidikan Haslina Binti Syukor mengenai Perancangan Sesebuah Muzium pada tahun 1990 ada menyatakan tentang kelemahan sistem pengurusan koleksi iaitu sungguhpun pengurusan koleksi muzium telah di selaraskan dengan panduan kaedah-kaedah permuziuman antarabangsa dan tatacara pengurusan sektor perbandaharaan, tetapi masih terdapat kelemahan yang menonjol. Diantaranya ialah sistem pendokumentasian yang tidak lengkap dan sukar untuk mengesan jumlah simpanan stok. Beliau juga menyatakan bahawa permasalahan ini tidak mungkin dapat diatasi dalam jangka masa yang singkat. Oleh itu di dalam kajian Pengurusan Koleksi di Muzium Negeri Kelantan penyelidik akan mengenalpasti tentang penyelesaian permasalahan ini serta cara pihak Muzium mengatasi masalah ini.

### **1.3 Hipotesis Kajian**

Terdapat hipotesis yang digunakan oleh pengkaji semasa membuat kajian berkenaan Pengurusan Koleksi yang di jalankan di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan.

Jika kajian tentang isu ini dikaji dengan lebih mendalam, pengkaji akan dapat mengupas lebih banyak maklumat tentang pengurusan koleksi kraftangan di Muzium tersebut. Melalui kajian ini juga pengkaji boleh mengenalpasti penyelesaian kepada permasalahan yang timbul di dalam kajian yang di buat iaitu dengan adanya perancangan yang telah di buat ini akan memudahkan pengkaji dalam membuat kajian mengikut bab yang telah disusun. Kajian ini juga akan berguna kepada pihak muzium dalam proses yang boleh memantapkan lagi sistem pengurusan koleksi di sesebuah Muzium supaya sistem pengurusan koleksi lebih teratur dan sistematik pada masa hadapan.



#### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat beberapa objektif kajian yang mendorong pengkaji untuk membuat kajian mengenai Pengurusan Koleksi Di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan. Antara objektif kajian yang dikenalpasti ialah:

- i. Mengenalpasti kaedah pengurusan perolehan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan.
- ii. Mengkaji cara pihak pengurusan koleksi kraftangan di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan menguruskan sistem pendokumentasian stok kraftangan yang terdapat di Muzium tersebut.
- iii. Mengenalpasti proses yang digunakan oleh pihak pengurusan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan dalam menguruskan penyimpanan bahan koleksi kraftangan di Muzium tersebut.

## 1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah isu-isu yang timbul semasa pengkaji menjalankan kajian. Persoalan ini juga penting untuk di jelaskan kepada informan supaya mereka boleh memberi maklumat yang penting berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Terdapat tiga persoalan yang di kemukakan oleh pengkaji dalam kajian mengenai Pengurusan Koleksi Di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan:

- i. Bagaimanakah kaedah pengurusan perolehan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan?.
- ii. Apakah cara pihak pengurusan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan menguruskan sistem pendokumentasian stok kraftangan yang terdapat di Muzium tersebut?.
- iii. Apakah proses yang digunakan oleh pihak pengurusan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan dalam menguruskan penyimpanan bahan koleksi kraftangan di Muzium tersebut?.

## 1.6 Signifikan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan dalam kajian tentang pengurusan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan. Antaranya ialah:

- Kepentingan kepada masyarakat.

kepentingan kajian ini juga untuk memupuk penghayatan masyarakat melalui pendidikan mengenai budaya dan warisan masyarakat yang terdahulu dalam bidang pengurusan kraftangan. Kajian ini juga dapat dijadikan sumber rujukan kepada masyarakat serta pengunjung.

- Kepentingan kepada pengkaji.

Melalui kajian ini, pengkaji akan dapat mengenalpasti tentang pentingnya pengurusan terhadap bahan-bahan koleksi yang terdapat di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan.

- Kepentingan kepada Muzium.

Kajian ini boleh dijadikan rujukan serta panduan kepada pihak muzium untuk memperbaiki kaedah pengurusan koleksi pada masa akan datang.

## 1.7 Skop Kajian

Skop kajian tentang Pengurusan Koleksi Di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan ialah:

- Muzium

Kawasan kajian ini adalah bertempat di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan yang terletak di bandar Kota Bharu, Kelantan yang juga dikenali sebagai Balai Getam Guri.

- Pihak pengurusan Muzium

Untuk mendapatkan maklumat tentang pengurusan koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan, pengkaji telah menemuramah beberapa orang informan yang terdiri daripada pihak pengurusan di Muzium tersebut.

## 1.8 Lokasi Kajian

Muzium Kraftangan atau dikenali juga sebagai Balai Getam Guri terletak di:

Muzium Kraftangan Negeri Kelantan

Jalan Hospital, 15000 Kota Bharu, Kelantan

Tel : 09 - 748 2266

Faks : 09 - 747 3366

Emel : muzium@kelantan.gov.my

**Rajah 1.1:** Peta lokasi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan



(Sumber : [http://www.malaysia-trulyasia.com/state\\_kelantan\\_files/kelantan.jpg](http://www.malaysia-trulyasia.com/state_kelantan_files/kelantan.jpg))

## **1.9 Kesimpulan**

Kesimpulannya, di dalam bab satu ini, pengkaji telah dapat mengenalpasti latar belakang, permasalahan kajian, hipotesis, objektif, persoalan, signifikan, skop, dan lokasi kajian yang akan di jalankan. Oleh itu, perkara ini telah membantu pengkaji untuk memahami kajian yang dibuat dan bab ini juga akan membantu pengkaji untuk meneruskan kajian ini di dalam bab yang seterusnya. Oleh yang demikian, penubuhan muzium adalah menjadi tunjang kepada pemuliharaan dan pemeliharaan warisan bangsa agar ianya tidak terus lenyap ditelan zaman. Kajian bab satu ini akan membantu pengkaji untuk mengetahui serta memahami cara atau sistem pengurusan sesebuah muzium bagi memastikan muzium itu dapat beroperasi secara sempurna.

## **BAB 2**

### **SOROTAN KESUSASTERAAN**

#### **2.0 Pengenalan**

Sorotan kesusasteraan dalam sesebuah kajian amat penting untuk digunakan sebagai bukti-bukti yang di ambil daripada kajian yang terdahulu. Sorotan kesusasteraan merupakan kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh pengkaji dalam mencari bahan bukti bagi membuktikan kesahihan sesuatu hasil kajian. Sorotan kesusasteraan juga digunakan sebagai bahan sokongan dalam setiap kajian yang di buat. Secara tidak langsung bahan ini dapat membantu memberi pemahaman kepada pengkaji bagi memahami kajian yang dikaji.

Seterusnya, dalam bab dua ini pengkaji juga akan membincangkan mengenai pengurusan, koleksi, perolehan, pengurusan pendokumentasian, pengurusan penyimpanan serta sejarah penubuhan Muzium mengikut kajian atau penyelidikan pengkaji yang lepas. Pengkaji juga akan mengaitkan kajian yang lepas dengan kajian mengenai Pengurusan Koleksi di Muzium Kraftangan Negeri Kelantan ini.

## 2.1 Definisi Muzium

Geo Brown Goode (1895) mendefinisikan muzium sebagai “*An institution for the preservation of those objects which best illustrates the phenomena of nature and the work of man, and utilization of those to increase knowledge and for the culture and the enlightenment of the people*”.

Geo Brown Goode(1895).

Kenyataan tersebut menerangkan definisi muzium mengikut pendapat Geo Brown Goode (1895) bahawa, Muzium merupakan sebuah institusi untuk memelihara objek terbaik yang menggambarkan fenomena alam dan kerja manusia, dan penggunaan mereka untuk meningkatkan pengetahuan dan budaya serta penjelasan kepada masyarakat.

Berdasarkan buku *Museum Basics* menyatakan bahawa definisi muzium berdasarkan International Council of Museum adalah “*a non-profit making, permanent institution in the service of society and of its development and open to the public, which acquires, conserves, researches, communicates and exhibits for purpose of study, education and enjoyment, material evidence of people and their environment*”.

(Ambrose & Paine, 1993, ms.8)

Kenyataan ini menerangkan bahawa muzium adalah sebuah institusi yang bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, malah memberi khidmat kepada masyarakat dan